

# Era globalisasi: Cabaran belajar dan mengajar

UB 13/7/2011 B4

MINDA PENDIDIK

MOHD YUSOF ABDULLAH



Bersama:

Baharom Mohamad, Shukri Zain, Abdul Said Ambo邦, Muhamad Suhaimi Taat dan Roslee Talip

**E**RA globalisasi memperlihatkan dunia sepenuhnya kian berpaksikan kepada penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam pelbagai bidang termasuklah bidang pendidikan. Tidak boleh dinafikan lagi, proses pembelajaran dan pengajaran di dalam dan luar bilik darjah juga dilihat begitu memerlukan penggunaan ICT dalam usaha mengejar pelbagai perubahan yang pantas berlaku, seolah-olah laptop, notebook, iPad atau Wi-Fi mampu atau bakal menggantikan peranan buku teks yang telah digunakan selama ini.

Hari ini, guru dan pelajar perlu membudayakan dan menguasai ICT dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Perubahan perlu berlaku dengan lebih pantas dalam proses pembelajaran dan pengajaran daripada kaedah tradisional yang berpusatkan kepada guru kepada kaedah berpusatkan kepada pelajar bagi menyahut pelbagai cabaran tersebut. Era globalisasi tanpa henti terus menuntut perubahan berlaku ke atas kaedah pembelajaran dan pengajaran menggunakan ICT dan kaedah berpusatkan kepada pelajar serta menjadikannya sebagai pemangkin utama untuk menyebar dan menyampai maklumat, membantu pelajar meneroka dan membina ilmu baru (Lechner & Boli 2000). Negara ini tidak boleh menafikan tentang betapa pentingnya kaedah pengajaran

berpusatkan pelajar dan ICT, dan ia perlu diberikan perhatian serius pada hari ini.

Sekolah Bestari misalnya, dilihat berupaya melakukan perubahan yang sistematis terhadap budaya mengguna dan menguasai ICT dan kaedah pengajaran berpusatkan pelajar dan menjadikannya sebagai pemangkin utama dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Budaya proses pembelajaran dan pengajaran berpusatkan guru yang sentiasa menunjukajar perlu berubah ke arah proses pembelajaran dan pengajaran berpusatkan pelajar yang mampu membentuk ilmu dan idea baru. Kaedah ini perlu bagi membenarkan pelajar mampu bersaing di peringkat lokal dan global.

Umumnya, kaedah pengajaran tradisional menggunakan pendekatan tingkah laku dan pelajar dianggap sebagai penerima yang pasif. Pengajaran guru hanya berbentuk syarahan dengan guru menyampaikan maklumat, menulis nota, memberikan tugas lembaran kerja untuk disiapkan. Dalam banyak keadaan, ilmu pengetahuan akan dipersembahkan sebagai fakta, pengalaman lepas pelajar dianggap tidak penting dan yang lebih merisaukan, pelajar tidak bebas menggunakan kaedah berlainan daripada yang digunakan oleh guru untuk menyelesaikan masalah. Penilaian kejayaan guru di bilik darjah sering kali diukur melalui skor ujian pelajar yang dicapai dan kejayaan ujian yang dicapai ini lebih banyak bersifat menyampaikan fakta ilmu pengetahuan berbanding penggunaan pemikiran pelajar pada aras yang lebih tinggi.

Penekanan terhadap ujian seringkali mempengaruhi amalan guru mengajar, sehingga kadangkala guru boleh mengubah kandungan subjek yang diajar demi untuk memenuhi keperluan ujian. Pihak guru kadangkala menggunakan kaedah pengajaran tradisional untuk menghabiskan dengan segera sukanan pelajaran yang ditetapkan. Pelajar tidak berupaya memindah dan mengaplikasi pengetahuan kerana sekolah menggunakan pendekatan tersebut bagi membolehkan pelajar mencapai skor tertinggi dalam setiap peperiksaan. Sekolah dan guru dinilai berdasarkan skor pelajar dalam peperiksaan umum. Justeru itu, berlakulah senario pelajar belajar untuk peperiksaan, apatah lagi bagi guru yang mempunyai pengetahuan ilmu pedagogi terhad, tidak akan mampu melakukan pengajaran yang lebih luas selain menggunakan kaedah pengajaran tradisional. Senario ini sungguh membimbangkan pakar pendidikan kontemporari kerana pelajar tidak dididik untuk menghargai dan menghayati ilmu pengetahuan, apatah lagi untuk mengamal konsep belajar sepanjang hayat.

Bagi kaedah pengajaran berpusatkan pelajar, pengajaran akan mementingkan pemahaman, pelajar akan menjadi aktif dan guru adalah pemudah cara dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Sokongan guru harus beransur kurang sehingga pelajar mampu berdikari untuk menyiapkan tugas atau projek. Guru harus mengaitkan pengalaman lepas pelajar dalam semua proses pembelajaran, guru perlu

menekankan pemikiran pada aras tinggi untuk penyelesaian masalah, pelajar dibenarkan menggunakan peluang untuk menonjolkan kreativiti dan kelas dianggap tempat untuk menggalakkan pelajar bekerja secara berkumpulan dalam menyelesaikan masalah.

Sesungguhnya, dalam era globalisasi institusi pendidikan dituntut melahirkan pelajar berfikir, berkemahiran, menguasai dan membina ilmu baru. Selain itu, pelajar harus berupaya meningkatkan pencapaian dalam pembelajaran, menggunakan pemikiran aras tinggi, tidak hanya menghafal fakta, mampu bekerjasama antara satu sama lain semasa menyelesaikan masalah, lebih berdikari dan bertanggungjawab terhadap pembelajaran.

Akhirnya, pembaharuan dan perubahan dalam ilmu pedagogi perlu dilakukan segera dalam era globalisasi hari ini. Banyak cabaran perlu disahut bagi menjayakan pembaharuan dan perubahan ini. Antaranya, pihak guru perlu sentiasa berusaha untuk memajukan diri, sentiasa membuat refleksi dalam proses pembelajaran dan pengajaran, menggalakkan pelajar untuk lebih berdikari, dan menerapkan semangat kerjasama dan kolaboratif dalam kelas. Guru bersama pelajar perlu memupuk pembelajaran sepanjang hayat untuk memastikan pembinaan pemikiran kreatif, kritis dan inovatif sentiasa disepadukan.

\* Penulis adalah Profesor Madya di Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial, Universiti Malaysia Sabah